

Bina jambatan atasi 'air termenung'

TUMPAT - Kerajaan mengkaji cadangan bina sebuah jambatan di Jalan Kesban, Kampung Nibong, sekitar Lembangan Sungai Golok bagi menangani isu air bertakung di kawasan itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, beliau mendapat maklumat daripada Pemangku Ketua Umno Bahagian, Datuk Rosdi Abd Aziz bahawa banjir di kawasan itu memerlukan masa lama untuk pulih disebabkan fenomena 'air termenung'.

"Kita akan minta Jabatan Perparitan dan Saliran serta Jabatan Kerja Raya buat kajian.

"Jika didapati tepat dan sesuai, kita akan bina dan usahakan peruntukan, ia penting kerana kawasan ini setiap tahun terjejas. Anggaran awal jambatan ini dijangka bernilai antara RM9 juta sehingga RM10 juta," katanya kepada



Foto: JAZALY AMRY JAAFAR

Keadaan SK Simpangan yang belum pulih sepenuhnya kerana dinaiki air banjir, semalam.

media selepas melawat mangsa banjir di Sekolah Kebangsaan (SK) Bunohan, di sini, semalam.

Pusat pemindahan itu

menempatkan 646 mangsa banjir dari kawasan berhampiran sejak empat hari lalu.

Sementara itu katanya,

kerajaan akan membina kemudahan tandas tambahan di sekolah terjejas dan di gazetkan sebagai pusat pemindahan banjir.

Pekebun kecil terjejas banjir bakal terima bantuan

RANTAU PANJANG - Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah akan menyalurkan bantuan kepada pekebun kecil yang terjejas akibat banjir tahun ini sebaik menerima laporan lengkap daripada agensi bertanggungjawab.

Menterinya, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, setakat ini, pihaknya masih menunggu laporan penuh semua agensi di bawah kementerian sebelum melaksanakan rancangan berkaitan pascabanjir.

Beliau berkata, pekebun terjejas hanya perlu mengemukakan laporan sebelum agensi berkaitan membuat penilaian terhadap kerosakan di kebun mereka.

"Kementerian mempunyai bantuan khusus kepada pekebun bagi memulihkan kembali kebun mereka yang terjejas dengan bencana," katanya di sini, semalam.

Ismail Sabri berkata, pihak kementeriannya juga sedang menunggu laporan penuh berhubung infrastruktur awam seperti jalan kampung, masjid dan tadika yang rosak akibat banjir, untuk dibaiki.



Ismail melawat mangsa banjir membabitkan 421 keluarga di Sekolah Kebangsaan Kedai Tanjong, semalam.